



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

KHAMIS / 18 APRIL 2019

- 1. MADA SASAR PENGELUARAN PADI 10 TAN SETIAP HEKTAR**
 - BERITA HARIAN
- 2. KEDAH BANTU MADA TANPA BIROKRASI**
 - SINAR HARIAN
- 3. PESAWAH RUGI RM800, 000**
 - SINAR HARIAN

DISEDIAKAN OLEH :
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)

MADA sasar pengeluaran padi 10 tan setiap hektar

➔ Proses ambil alih tanah bagi tujuan pengaliran lebih singkat

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) komited meningkatkan hasil pengeluaran padi kepada 10 tan per hektar berikutan proses pengambilan tanah yang lebih singkat.

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, berkata proses pengambilan tanah bagi tujuan menaik taraf sistem pengairan dan saluran sawah sebelum ini mengambil masa sekurang-kurangnya setahun.

Katanya, selaku Pengerusi MADA yang baharu dilantik, beliau tidak berpuas hati dengan

keadaan itu dan sudah meminta proses itu dipercepat supaya pesawah menerima manfaat segera.

"Terdapat kekangan dalam usaha meningkatkan hasil padi sebelum ini antaranya adalah proses pengambilan tanah yang terlalu lama untuk memasang paip saluran, tak silap saya dahulu kita ambil masa dua tahun dan kemudian dapat dikurangkan kepada setahun.

Arah proses ambil alih tanah dipercepat

"Saya akan arahkan proses ini dipercepatkan lagi kerana kita perlu mengurus peruntukan yang disalurkan kerajaan Persekutuan secara efisien dan mengelak kerenah birokrasi," katanya, di sini, semalam.

Terdahulu, beliau mengadakan perjumpaan bersama warga MADA di Ibu Pejabat MADA yang turut dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani, Pengangkutan dan Industri Utama, Azman Nasrudin.

Secara purata, pengeluaran padi di negeri ini hanya mampu mencapai antara lima ke tujuh



Saya akan arahkan proses ini dipercepatkan lagi kerana kita perlu mengurus peruntukkan yang disalurkan kerajaan Persekutuan secara efisien dan mengelak kerenah birokrasi"

Mukhriz Mahathir,
Menteri Besar Kedah

tan per hektar dan pengeluaran boleh menjadi lebih rendah jika berlaku bencana atau serangan penyakit.

Mukhriz berkata, menjadi hasrat kerajaan negeri melihat lebih ramai petani keluar daripada garis kemiskinan dengan menggalakkan mereka menceburi bidang keusahawanan.

Katanya, sehingga kini terdapat hampir 2,500 daripada 57,000 pesawah MADA menjadi usahawan dalam pelbagai bidang, malah ada dalam kalangan mereka bergelar jutawan.

"Kita sedar pesawah sering berhadapan cabaran terutamanya faktor cuaca dan serangan penyakit serta haiwan perosak sehingga berlaku kemerosotan hasil, tetapi kita tidak nafikan ada pesawah mampu mencatat hasil 14 tan per hektar semu-sim.

"Saya yakin petani yang mencatat hasil tinggi ini berfikir di luar kotak dan petani lain juga tidak harus ketinggalan, mereka boleh menjadi usahawan menghasilkan produk atau menanam padi organik dan beras wangi yang mendapat permintaan lebih tinggi," katanya.

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 18 APRIL 2019

PERKARA : MADA

Kedah bantu MADA tanpa birokrasi

ALOR SETAR - Kerajaan Kedah akan membantu untuk menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tanpa perlu menghadapi karenah birokrasi panjang.

Pengerusinya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, peletikan dirinya sebagai peneraju agensi tersebut dilihat mampu memberi kelebihan kepada MADA apabila berhadapan cabaran ataupun masalah.

Menurut Mukhriz, tindakan yang memerlukan mana-mana jabatan ataupun agensi kerajaan negeri dapat diambil segera dalam menangani masalah berkaitan dengan satu arahan sahaja.

"Antara isu berkaitan termasuklah memendekkan tempoh proses pengambilalihan tanah kepada setahun bagi tujuan pemasangan paip saluran air ke kawasan tanah bendang.

"Malah, kita masih tidak puas hati dan akan berusaha mencari



Mukhriz (tengah) pada sidang media selepas menghadiri Majlis Perjumpaan Pengerusi dengan Warga MADA di Ibu Pejabat MADA, Ampang Jajar, semalam.

kaedah bagaimana untuk segera lagi," katanya pada sidang media selepas menghadiri Majlis Perjumpaan Pengerusi dengan Warga MADA di Ibu Pejabat MADA, Ampang Jajar, di sini, semalam.

Turut hadir, Exco Pertanian dan Asas Tani, Azman Nasrudin.

Dalam perkembangan sama,

beliau berkata, petani di bawah MADA turut digalakkan menceburkan diri mereka dalam bidang keusahawanan untuk keluar daripada kemiskinan.

Mukhriz berkata, seramai 2,500 usahawan dilahirkan MADA setakat ini, yang mana tiga daripadanya telah mencapai jualan puluhan juta ringgit.

Sinar Harian 18 April 2019.

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 18 APRIL 2019

PERKARA : PERTANIAN

Pesawah rugi RM800,000

Sawah ditenggelami air kumbahan selama empat musim

ROSHILA MURNI ROSLI

ALOR SETAR

Seramai 12 orang pesawah di Kampung Hujung Mergong di sini, terpaksa menanggung kerugian hampir RM800,000 selama empat musim berturut-turut akibat sawah mereka ditenggelami air kumbahan.

Seorang pesawah, Rozaimi Hashim, 47, berkata, masalah berkenaan sudah berlarutan sejak 2016, namun menjadi semakin serius sejak setahun yang lalu.

"Saya mengerjakan 0.29 hektar sawah, tapi sejak sawah kerap dilipahi air kumbahan ni, saya

menanggung kerugian hampir RM40,000.

"Air kumbahan ni macam berasid. Bila kita tabur benih padi memang tak naik. Kalau naik pun, hasil tak akan dapat. Rugi segala kos yang sudah kami keluarkan," katanya ketika ditemui semalam.

Romaizi Ali, 45, pula berkata, mereka telah mengemukakan banyak aduan kepada agensi-agensi terlibat sebelum ini.

"Tetapi tiada tindakan yang diambil. Alhamdulillah, hari ini (semalam) bila Exco sendiri yang turun padang, kami sedikit lega dan rasa nasib kami terbela.

"Harap-harap musim dua bulan Ogos ini, dapat lah kami kerjakan semula sawah kami," katanya.

Sementara itu, Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Azman Nasrudin berkata, masalah berkenaan melibatkan keluasan 11.5 hektar sawah yang berpunca daripada kerosakan sistem pem-



Azman sedang memeriksa saluran pembetung yang menyebabkan limpahan air ke kawasan sawah di Kampung Hujung Mergong, semalam.

betung di situ.

"Saya difahamkan ada baha-

gian pembetung yang rosak dan menghalang laluan air yang

SAWAH DITENGGELAMI AIR KUMBAHAN

- 12 orang pesawah yang terkesan
- Masalah melibatkan keluasan 11.5 hektar sawah
- Punca daripada sistem pombetung yang rosak, halang laluan air menyebabkan limpahan berlaku

akhirnya menyebabkan limpahan ke dalam sawah.

"Saya akan memohon peruntukan segera daripada Kementerian Kerja Raya untuk menyelesaikan masalah ini selepas mendengar penerangan daripada agensi terlibat.

"Insya-ALLAH, menjelang musim kedua tanaman padi tahun ini, pesawah-pesawah yang terjejas ini akan dapat mengusahakan semula sawah mereka," katanya.